MIB BCP 7

UNIT 2: TANGGUNGJAWAB TERHADAP KELUARGA

BAHAGIAN A

SOALAN 1 - FAHAMAN

1. Baca dan fahami petikan di bawah ini. Kemudian jawab soalan yang diberikan.

SIKAP IKHLAS

Amin bangun dari tidur jam 7.30 pagi setelah mendengar bunyi jam loceng. Dia sengaja bangun lewat kerana hari ini cuti sekolah . Selepas mandi dia memakai pakaian dan mengemas biliknya.

“Amin baru bangun?” Tanya ibunya.

“Kan hari ini cuti sekolah jadi saya bangun lewatlah,” Balas Amin dengan senyum.

“Mana ayah?” Tanya Amin kepada ibunya.

“Ayah awak ada di belakang membersihkan halaman rumah.” Jawab ibunya.

“Kalau begitu saya nak tolong ayah.” Kata Amin.

“Sarapan dulu , kemudian barulah tolong ayah kamu,” Nasihat ibunya.

Selepas sarapan pagi, Amin terus pergi ke belakang rumah dan nampak ayahnya sedang memotong rumput.

“Ayah boleh saya tolong?” Tanya Amin kata kepada ayahnya.

LIVEWORKSHEETS

MIB BCP 7

Amin terus membersihkan longkang dan halaman rumah. Ketika sedang membersihkan halaman rumah, Ali datang menegurnya.

“Hai, rajinnya awak hari ini!” Tegur Ali.

“Tidaklah rajin sangat , saya hanya menolong ayah membersihkan kawasan rumah .” Balas Amin.

“Biasanya kalau saya bantu buat kerja-kerja rumah , saya minta upah dari ibu dan bapa. Dan jika tidak ada upah, saya tidak akan melakukannya. Awak bagaimana?” tanya Ali kepada Amin.

“Saya tidak pernah meminta upah kerana saya membuat kerja dengan ikhlas.” Jawab Amin.

“Ikhlas, apa ertinya?: Tanya Ali.

“Kata ayah, ikhlas ertinya melakukan pekerjaan dengan rela atau kehendak sendiri tanpa mengharapkan balasan atau upah. Kalau kita ikhlas , Allah sayang akan kita.” Terang Amin.

“Kalau begitu , mulai sekarang saya tidak akan meminta upah lagi. Saya juga mahu Allah sayangkan saya. “ Kata Ali.

“Syukurlah kalau begitu tapi awak mesti mengamalkan sikap ikhlas secara berterusan. Jangan pula hari ini sahaja. “ Nasihat Amin lagi.

“Insya-Allah saya akan ingat nasihat awak tu.” Kata Ali.

LIVEWORKSHEETS

MIB BCP 7

Jawab soalan berikut dengan lengkap.

1. Mengapakah Ali bangun lewat pada hari itu?

(2 markah)

2. Apakah yang dilakukan oleh Amin apabila mengetahui ayahnya sedang membersihkan halaman rumah?

(2 markah)

3. Nyatakan dua sikap yang Amin tunjukkan?

(2 markah)

4. Apakah sikap Ali yang tidak baik untuk dicontohi?

(2 markah)

LIVEWORKSHEETS

MIB BCP 7

5. Apa yang dimaksudkan dengan ikhlas?

(3 markah)

6. Nyatakan **2 sikap tidak baik** yang di sebut dalam petikan di atas.

1)

2)

(2 markah)

7. Senaraikan 4 sahaja nilai-nilai terpuji yang patut dicontohi dari petikan tadi.

Nilai-nilai terpuji yang patut dicontohi ialah:

1)

2)

3)

4)

(4 markah)

8. Mengapakah kita tidak boleh meminta upah apabila menolong ibu bapa atau adik beradik?

(3 markah)

[20 markah]

LIVEWORKSHEETS

MIB BCP 7

SOALAN 2- BERPANDUKAN GAMBAR / PERISTIWA

Jawab **semua** soalan , **soalan A (SOALAN BERGAMBAR)** dan juga dari **soalan B (SOALAN PERISTIWA)**.

A) SOALAN BERGAMBAR

Teliti gambar-gambar di bawah. Senaraikan **LIMA (5) nilai-nilai murni** yang terdapat dalam **gambar A** dan **LIMA (5) perilaku yang tidak baik** dalam **gambar B**.

GAMBAR A	GAMBAR B

GAMBAR A		GAMBAR B	
Nilai-nilai murni yang patut dicontohi		Perilaku yang tidak baik untuk dicontohi.	
1		1	
2		2	
3		3	
4		4	
5		5	

[10 markah]

LIVEWORKSHEETS

MIB BCP 7

B) SOALAN PERISTIWA

Nyatakan apakah **nilai-nilai murni dalam bentuk ayat** yang perlu kamu lakukan jika berhadapan dengan peristiwa atau situasi berikut:

PERISTIWA 1

Seorang nenek tua hendak menyeberang jalan raya yang sesak dengan kenderaan. Apakah tindakan yang sebaiknya kamu lakukan?

PERISTIWA 2

Adik kamu bercakap kasar kepada ibu kamu. Apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

PERISTIWA 3

Emak kamu tidak sihat dan tidak berdaya untuk melakukan kerja rumah. Apakah tindakan yang kamu lakukan?

LIVEWORKSHEETS

MIB BCP 7

PERISTIWA 4

Aminah menjemput kamu untuk menghadiri majlis perkahwinan kakaknya. Apakah pakaian yang sesuai yang akan kamu pakai untuk majlis tersebut?

PERISTIWA 5

Jika kamu tahu abang kamu telah berdusta kepada ayah, apakah tindakan yang perlu kamu lakukan?

[10 markah]

LIVEWORKSHEETS